


Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar

27 OGOS 2009 / 6 RAMADAN 1430
AUDITORIUM AL-SYAFIE,
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM),
BANGI SELANGOR



Disunting Oleh:

WAN KAMAL MUJANI, NOOR INAYAH YAAKUB, SALMY EDAWATI YAACOB,
EZAD AZRAAI JAMSARI & NOORSAFUAN CHE NOH



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

Anjuran:

DINAR RESEARCH GROUP (UKM-GUP-EP-07-16-051), JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
JABATAN PENGAJIAN ARAB DAN TAMADUN ISLAM (JPATI), INSTITUT KAJIAN RANTAU ASIA BARAT (IKRAB) &
KUMPULAN KEBUDAYAAN ARAB DAN PERADABAN ISLAM (KUKAPI)



**Prosiding Seminar Antarabangsa
Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi
WANG DINAR**

27 Ogos 2009 / 6 Ramadan 1430H
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi

disunting oleh

Wan Kamal Mujani, Noor Inayah Yaakub, Ezad Azraai
Jamsari, Salmi Edawati Yaacob & Noorsafuan Che Noh

JABATAN PENGAJIAN ARAB DAN TAMADUN ISLAM
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2009

PUSTAKA PERDANA



1011237

**Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaaan Ekonomi
Melalui Transaksi Wang Dinar**

Cetakan Pertama, 2009

Hak cipta Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, FPI, UKM 2009

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
JABATAN PENGAJIAN ARAB DAN TAMADUN ISLAM
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603 8921 5550/5291/5558 Faks: +603 8921 3185

ISBN 978-983-9368-37-6

337.L6
PRO

Kandungan

Kandungan ... v

Prakata ... viii

Kata Pengantar ... ix

I Kertas Kerja Utama

Sejarah Dinar Menyusuri Zaman

WAN KAMAL MUJANI... 1

Dinar Emas: Pilihan Penuh Dilema

SANEP AHMAD... 53

II Kertas Kerja Seminar

Islamic Banking with Dinar & Dirham: Meeting the Challenges to Uplift the Ummah Economy

ABDUL HALIM ABDUL HAMID ... 67

Sistem Mata Wang Dawlah 'Uthmaniyah: Aspek Pembuatan, Nilai dan Transaksi pada Abad ke-16M

ERMY AZZIATY ROZALI... 83

Dinar Emas Negeri Kelantan Zaman Silam dan Moden: Satu Pengamatan Sejarah

NOORSAFUAN CHE NOH, HANIF MD LATEH, WAN KAMAL MUJANI, EZAD AZRAAI JAMSARI & IZZIAH SURYANI MAT RESAD @ ARSHAD... 95

Dinar Sebagai Mata Wang Mengatasi Krisis Ekonomi Global 2008

HASSANUDEEN A AZIZ... 109

Pelaksanaan Dinar dalam Sistem Ekonomi Moden: Cabaran dan Prospek Masa Depan

HUSSIN SALAMON & ZANIRAH MUSTAFA... 131

The Islamic Theological Symbols on the Gold Dinar and Silver Dirham Currencies: A Historical and Theological Perusal

IBRAHIM ABU BAKAR... 149

The Islamic Gold Dinar Movement in Malaysia

KHALID NORSHAH... 163

Mekanisme Pelaburan Dinar Emas di Public Fine
LOUIS NG...181

Jual Beli Barangan Kemas daripada Emas dan Perak: Reaksi Terhadap
Pandangan Ibn Taymiyyah
MAT NOOR MAT ZAIN...189

Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar Era Marini
MOHAMAD ZULFAZDLEE ABUL HASSAN ASHARI & EZAD AZRAAI
JAMSARL...211

Sistem Mata Wang Dinar Emas: Analisa dari Perspektif Hukum Fiqh
Muamalat
MUHAMMAD NASRI MD. HUSSAIN, AB MUMIN AB GHANI & AZIZI ABU
BAKAR...227

The Real Implementation of the Gold Dinar Economy
NIK MAHANI NIK DAUD...247

Transaksi Dinar Emas di Internet: Cabaran Perundangan Undang-undang
Perbankan
NOOR INAYAH YAAKUB, WAN MOHD HIRWANI WAN HUSSAIN &
MOHAMAD ABDUL HAMID...272

Sejarah Dinar Emas: Zaman Awal Islam
NORFARIZAN JAAFAR & WAN KAMAL MUJANI...303

Dinar Emas Sebagai Alat Pertukaran yang Sempurna
NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALL...333

Realiti Penggunaan Dinar Emas di Malaysia
SALMY EDAWATI YAACOB & HAILANI MUJI TAHIR ... 347

Aplikasi Semasa Penggunaan Dinar Emas di Dunia: Satu Tinjauan
Umum di Indonesia, Malaysia, Afrika Selatan & United Kingdom
SALMY EDAWATI YAACOB & SANEP AHMAD...361

Kestabilan Mata Wang Dalam Menangani Krisis Ekonomi: Ke Arah
Penggunaan Dinar Emas
SALMY EDAWATI YAACOB, SANEP AHMAD & WAN NAJIHAH WAN
ZABARIA...373

Mekanisme Aplikasi Penggunaan Wang Dinar dan Dirham di STEI
HAMFARA, Yogyakarta, Indonesia

KRISHNA ADITYANGGA & SITI MURTUYANTI...391

Penggunaan Mata Wang Dinar Islam: Satu Analisa Sejarah Zaman
Uthmani (1281-1924M)

SITI ZANARIAH ZAKARIA, WAN KAMAL MUJANI & NOORSAFUAN CHE
NOH...403

Menyingkap Rahsia Pelaburan Emas

SYUKOR HASHIM...417

Dinar Emas di Sicily Zaman Aghlabi: Satu Pengamatan awal

SITI NOORASIKIN TUMIRAN, WAN KAMAL MUJANI & SAIFULLAH
MUHAMMAD SAWL...429

Perubahan Nilai Mata Wang dan Kesannya Terhadap Ekonomi, Sosial
dan Politik

HAKIM ZAINAL & MAHERAM AHMAD... 455

Perbahasan Wang Dinar dalam Kitab Muqaddimah Ibn Khaldun

ABDUL QAYYUM ABDUL RAZAK, NOORSAFUAN CHE NOH, WAN KAMAL
MUJANI & NAPISAH KARIMAH ISMAIL & EZAD AZRAAI JAMSARI... 469

Prakata

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah (s.w.t.) atas limpah dan rahmah-Nya, selawat dan salam buat Nabi Muhammad (s.a.w.) tercinta, juga kaum keluarga Baginda, para Sahabat (r.a.) serta para Tabi'in yang memperjuangkan Islam di bumi Allah (s.w.t.) ini.

Sejak Kerajaan Umawi, mata wang dinar telah mengalami reformasi baru dan ia mempunyai berat *standard*, iaitu 4.25 gram. Semenjak itu, ekonomi umat Islam berkembang dan mencapai kemajuan. Tradisi penggunaan mata wang ini diteruskan oleh Kerajaan 'Abbasi, Mamluki, Andalusi serta 'Uthmani, dan ia berjaya menyaingi beberapa mata wang emas Eropah.

Namun, sejarah moden telah menyaksikan bahawa wang *fiat* (kertas) akhirnya berjaya menyingkirkan wang dinar apabila ekonomi negara-negara Islam mulai lemah. Keadaan bertambah parah dengan keadaan ekonomi dunia kini yang tidak menentu. Dollar, iaitu 'mata wang dunia' sekarang dengan jelas didapati tidak kompetatif untuk menghadapi kemelut dan krisis ekonomi global semasa. Wang *fiat* pada masa ini juga, didapati tidak dapat mengembangkan ekonomi sesebuah negara secara sepenuhnya. Ini kerana kedapatan unsur-unsur manipulasi dan pengaruh tidak wajar dalam sistem kewangan tersebut. Keadaan ini telah dialami oleh negara-negara Islam yang sedang membangun.

Oleh itu, pengalaman silam dalam kecemerlangan penggunaan wang dinar boleh dijadikan iktibar dan panduan bagi umat dan negara Islam dewasa ini, khasnya Malaysia, demi menghidupkan semula penggunaan wang dinar bagi menjana ekonomi negara sesuai dengan hasrat murni Kerajaan Malaysia yang ingin menerapkan nilai-nilai ekonomi Islam dalam urusan perdagangan tempatan dan global.

Berdasarkan pengenalan di atas, seminar antarabangsa ini dianjurkan dan secara lebih spesifiknya ia akan menjawab beberapa persoalan berikut:

1. Menyoroti sejarah perkembangan wang dinar sejak awal Islam sehingga zaman 'Uthmani.
2. Menyusuri sejarah kecemerlangan penggunaan mata wang dinar pada zaman Islam dan kejayaannya menembusi mata wang Eropah.
3. Mengenal pasti kelemahan dan ketahanan sistem *fiat* dalam mencari jalan bagi memelihara kekayaan ummah akibat ketidakstabilan sistem mata wang moden, domestik dan global.
4. Mengenal pasti bentuk pengaplikasian wang dinar secara sepenuhnya bagi menembusi monopoli wang *fiat*.
5. Mengenal pasti penggunaan wang dinar dalam hubungan perdagangan dalam kalangan negara Islam.
6. Menyediakan pelan strategi kepada pihak Kerajaan, bank-bank dan institusi kewangan bagi pengaplikasian semula wang dinar dalam konteks

pengembangan ekonomi Malaysia dan negara-negara Islam dengan mengambil kira realiti arkitektur sistem kewangan antarabangsa.

7. Menganalisis kerelevanan pengalaman lepas dan bentuk-bentuk panduan yang boleh diguna pakai bagi melaksanakan semula sistem penggunaan wang dinar, dalam konteks pengembangan ekonomi, khasnya sektor perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara Islam lain.

Ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada para penganjur seminar antarabangsa ini iaitu 'Dinar Research Group' (UKM-GUP-EP-07-16-051), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam (JPATI), Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB) dan Kumpulan Kebudayaan Arab & Peradaban Islam (KUKAPI).

SIDANG PENYUNTING
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor Darul Ehsan.
Ogos 2009

Kata Pengantar

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah (s.w.t.) atas limpah dan rahmah-Nya, selawat dan salam buat Nabi Muhammad (s.a.w.) tercinta, juga kaum keluarga Baginda, para Sahabat (r.a.) serta para Tabi'in yang memperjuangkan Islam di bumi Allah (s.w.t.) ini.

Seminar Antarabangsa Penjana Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar ini merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dilaksanakan oleh ahli penyelidikan 'Dinar Research Group' (UKM-GUP-EP-07-16-051), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penyelidikan ini diterajui oleh Prof. Madya Dr. Wan Kamal Mujani dan dianggotai oleh ahli-ahli akademik lain yang terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran. Selain daripada mencapai objektif-objektif seminar ini sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Prakata, ia juga bertujuan untuk menghasilkan 'output' dalam bentuk penerbitan yang sememangnya digalakkan oleh UKM yang kini bertaraf 'Universiti Penyelidikan'. Di samping itu, seminar ini juga adalah sebahagian daripada aktiviti sambutan **Mahrajan 35 Tahun JPATI (1974-2009)**.

Di kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada kumpulan penyelidikan ini yang telah berjaya menganjurkan seminar antarabangsa ini bersama rakan-rakan penganjur lain iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam (JPATI), Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB) dan Kumpulan Kebudayaan Arab & Peradaban Islam (KUKAPI). Semoga usaha-usaha akademik sebegini akan dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Sekalung penghargaan juga dituju buat para pembentang kertas kerja, semoga idea dan usaha murni mereka diberkati Allah (s.w.t.). Sekalung penghargaan juga disampaikan kepada penyunting prosiding ini, iaitu Prof. Madya Dr. Wan Kamal Mujani, Prof. Madya Dr. Noor Inayah Yaakub, Salmi Edawati Yaacob, Ezad Azraai Jamsari, dan juga Noorsafuan Che Noh yang telah mencurahkan pemikiran dan keringat untuk menjayakan penerbitan prosiding yang tidak ternilai ini.

PROF. MADYA DR. ZAMRI ARIFIN

Ketua

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

Selangor Darul Ehsan.

Ogos 2009

Sejarah Dinar Menyusuri Zaman

WAN KAMAL MUJANI

Pendahuluan

Penggunaan wang dalam sistem perekonomian telah bermula sejak zaman sebelum Islam lagi. Islam mengenali penggunaan wang melalui tamadun Rom yang berpusat di Bayzantine dan tamadun Parsi. Kewujudan aktiviti perdagangan serta interaksi sosial antara tamadun-tamadun tersebut telah menyumbang kepada perpindahan sebahagian besar aspek-aspek tamadun ke dunia Islam yang bermula di Madinah sebagai negara Islam yang pertama. Penerimaan aspek-aspek dan pembangunan tamadun terbabit membuktikan bahawa Islam tidak menolak sebarang pembangunan selagi ianya tidak melanggar peraturan syarak. Sehubungan dengan itu, kertas kerja utama ini bermatlamat mengupas sejarah perjalanan dan perkembangan penggunaan wang Dinar bermula dari zaman Jahiliyyah hingga zaman kerajaan 'Uthmaniyyah. Semoga sejarah perjalanan wang Dinar ini dapat dijadikan iktibar, panduan dan pedoman kepada warga akademik dan masyarakat Islam pada hari ini.

Sejarah Dinar pada Zaman Sebelum Islam

Istilah Dinar dan Dirham sebagai unit wang dalam Islam merupakan pengaruh daripada bahasa kerajaan-kerajaan silam yang telah wujud sebelum zaman pemerintahan Islam. Interaksi masyarakat Arab sejak sebelum Islam dengan kerajaan-kerajaan sekitarnya menerusi aktiviti perdagangan telah menyumbang kepada pengenalan wang Dinar dan Dirham di kalangan masyarakat Arab. Wang Dinar dan Dirham yang digunakan oleh masyarakat Islam yang mula membangun di Semenanjung Arab ketika pemerintahan Rasulullah (s.a.w.) merupakan

kesinambungan daripada perkembangan penggunaan wang bagi kerajaan-kerajaan masyarakat zaman yang lebih awal di sekitarnya iaitu Kerajaan Lydia, Kerajaan Greek Yunani, Kerajaan Rom dan Kerajaan Parsi.

Kerajaan Lydia

Umum mengetahui bahawa kegiatan ekonomi memainkan peranan penting dalam pertumbuhan sesebuah negara. Aktiviti masyarakat silam yang bergiat aktif dalam urusan jual-beli akhirnya telah mencetuskan kepada kewujudan unit wang. Penempaan wang logam yang pertama telah diperkenalkan oleh pemerintah Kerajaan Lydia iaitu Raja Croesus yang memerintah sekitar tahun 570-546 S.M. (Hasan 1999: 60). Lydia merupakan sebuah negara-kota yang terletak di barat Anatolia dan kerajaan ini pernah diterajui oleh tiga dinasti iaitu Atyds, Heraclias dan Candaules (Anwar 2002: 2; <http://www.americola.com/sites/Lydia>). Kerajaan silam Lydia dipercayai berkuasa sekitar 1300 S.M. sehinggalah 133 S.M. selepas ditakluk oleh Empayar Greek Yunani menerusi Raja Alexandar III. Kedudukan Lydia yang strategik sebagai lokasi perdagangan yang menghubungkan antara pedagang Timur dan Eropah menjadikan kegiatan ekonomi di wilayah itu semakin rancak dan seterusnya mencetuskan idea untuk menempa wang bagi kemudahan pedagang.

Faktor lain yang mendorong kepada pengeluaran wang pertama ini ialah kewujudan kawasan yang mempunyai sumber logam iaitu di Sungai Pactolus. Kawasan tersebut mempunyai sumber logam electrum iaitu campuran logam emas dan perak. Masyarakat Lydia dipercayai menempa wang mereka daripada logam electrum yang sebahagian besarnya diperolehi daripada sungai tersebut. Lambang kepala singa yang terdapat pada permukaan wang menjelaskan pengaruh wang terbahit sebagai simbol pemerintahan beraja ketika itu. Ia mempunyai campuran 96% logam emas dan 4% logam perak (Qadus 2001: 6). Wang ini ditempa dengan berat sekitar 4.76 gram. Reka bentuknya masih tidak sekata dengan permukaan yang tidak rata. Penggunaan wang tersebut telah berterusan sehingga berlakunya penguasaan pemerintah Mecedonia, Raja Alexander III sekitar tahun 133 S.M. (<http://www.americola.com/sites/Lydia>). Kewujudan unit-unit wang tersebut menunjukkan bahawa Lydia telah mempunyai peradabannya yang tersendiri dari aspek perkembangan pemikiran dan ekonomi.

Kerajaan Greek Yunani

Masyarakat Greek bukan sahaja terkenal sebagai komuniti yang mempunyai ketinggian tamadun dalam bidang falsafah sahaja, malah mereka juga muncul sebagai antara masyarakat terawal yang menggunakan wang sebagai bahantara dalam aktiviti jual-beli, sama ada untuk mendapatkan barangan mahupun perkhidmatan yang lazimnya diperlukan oleh masyarakat. Sebelum menempa wang, masyarakat Greek telah menggunakan wang dalam bentuk barangan seperti kapak dan gelang besar yang diperbuat daripada gangsa. Bagaimanapun, rekabentuk barangan terbabit yang besar memberi kesukaran kepada orang ramai untuk membawa dan menyimpannya apabila melibatkan kuantiti yang banyak.

Perubahan dalam sistem transaksi ekonomi di Yunani ketika era pemerintahan Kerajaan Greek bermula apabila wujudnya interaksi masyarakat Yunani dengan masyarakat Lidya yang telah ditakluk oleh pemerintah Greek pada akhir abad ke-3 S.M. Bagaimanapun, pada peringkat awal, masyarakat Greek hanya menggunakan kepingan-kepingan logam emas dan perak sebelum mula menempa wang pada tahun 406 S.M. Sejak itu, logam emas dan perak mulai ditempa di beberapa wilayah dunia yang telah dikuasai oleh Greek (Anwar 2006: 2). Keadaan ini berterusan sehingga kemunculan era pemerintahan *Alexander The Great* pada abad ke-4 S.M. Wang logam daripada perak dan emas kemudiannya telah ditempa dan digunakan oleh masyarakat dari Mecedonia sehingga ke Babylon dan seterusnya berkembang ke wilayah-wilayah penguasaan Greek-Yunani.

Pada peringkat awal, wang emas dan perak yang ditempa telah ditera dengan motif haiwan seperti burung helang dan lakaran Tuhan atau Dewa bagi masyarakat Greek-Yunani. Antara nama Tuhan-tuhan kepercayaan masyarakat Greek-Yunani yang ditera potret wajah mereka pada permukaan wang ialah Aphrodite, Apollo, Ares, Artemis, Athena dan Zeus (Qadus 2001: 38). Gambar-gambar tersebut dilakar dalam bentuk wajah manusia. Setelah kematian *Alexandar The Great* pada tahun 323 S.M., lakaran wajah beliau telah menggantikan lakaran wajah-wajah Tuhan kepercayaan masyarakat setempat (Qadus 2001: 9).

Perkembangan menempa wang di Yunani bermula menerusi kesedaran para peniaga, malah mereka bertanggungjawab menempa wang-wang logam yang wujud pada peringkat awalnya. Walau bagaimanapun, menyedari kepentingan wang sebagai lambang penguasaan politik dan ekonomi, maka pemerintah ketika itu mula

merasakan perlunya suatu peraturan yang bertanggungjawab memantau pengeluaran wang. Pertengahan kurun ke-6 S.M. menyaksikan kerancangan pengeluaran wang oleh wilayah dan bandar-bandar lain. Di samping Lidya dan bandar Kota Sardis yang telah mengeluarkan wang ketika penguasaan Raja Creosues, wilayah lain yang turut menempa wang logam ketika era penguasaan Empayar Greek ialah Athens, Aegine dan Corinth di Yunani sendiri.

Sekitar abad ke-3 S.M., wang logam emas tidak lagi ditempa secara berleluasa di Yunani. Sebaliknya, pemerintah selepas Alexander menjadikan wang perak yang dikenali sebagai *Drachm* sebagai wang utama dan ia dicetak secara berleluasa (Anwar 2006: 2). Situasi ini akhirnya menjadikan negara-negara di bawah pengaruh dan penguasaan Greek Yunani menggunakan wang perak sebagai bahantara untuk mendapatkan barangan serta memberi upah kepada sesuatu perkhidmatan ketika itu. Malah, wang terbabit turut digunakan oleh masyarakat Arab Jahiliyyah sehingga zaman awal Islam.

Kerajaan Rom

Pada akhir abad ke-3 S.M., wilayah-wilayah kekuasaan Greek-Yunani telah jatuh di bawah penguasaan Kerajaan Rom terutamanya di kawasan Timur Tengah. Keadaan ini turut mempengaruhi perkembangan pengeluaran wang ketika itu. Beberapa wilayah yang sebelumnya menjadi jajahan Kerajaan Greek hanya dibenarkan untuk menempa wang perak menurut piawaiannya sebelumnya dalam keadaan tertentu sahaja, sebagaimana yang berlaku di Mesir dan Syria. Beberapa wilayah di Anatolia dan Afrika yang telah berada di bawah penguasaan Rom turut menerima nasib yang sama, apabila hanya dibenarkan menempa wang logam emas untuk beberapa ketika sahaja sebelum bertukar kepada wang Rom. Kesemua wang yang ditempa perlu ditera dengan lakaran kepala Maharaja-maharaja Rom atau pahlawan tempatan yang banyak berjasa kepada perkembangan Empayar Rom.

Walau bagaimanapun, masyarakat Yahudi yang menduduki Judea, mereka dibenarkan menempa wang logam yang ditera dengan identiti penganut Yahudi iaitu ditempa dengan lambang-lambang agama Yahudi seperti mangkuk arak, buah-buahan dan pokok tamar, wajah pemerintah Yahudi serta gambar tempat meletak lilin bercabang tujuh yang dikenali *Menorah*.

Sebelum kurun ke-3 S.M., masyarakat Rom menggunakan wang gangsa yang dikenali sebagai *Iz*. Selain itu, mereka turut menggunakan

wang yang diperbuat daripada tembaga yang dipercayai mula ditempa oleh Numa atau Circus Tilius. Seterusnya pada tahun 269 S.M. masyarakat Rom mula menempa wang yang diperbuat daripada perak (Hasan 1999: 61). Wang tersebut menjadi wang rasmi bagi wilayah-wilayah penguasaan Rom pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, pada tahun 286 S.M., wang emas yang dikenali sebagai *Denarius* mula ditempa. Wang ini dilaporkan telah ditempa ketika pemerintahan Julius Caesar. Bermula tahun tersebut, wang logam Rom *Denarius* terdiri daripada wang emas, perak dan gangsa (Safra 2002, 16:529). Penipuan dalam kerja-kerja menempa wang Rom dilaporkan banyak berlaku ketika itu, di mana berlaku percampuran logam emas bersama bahan logam lain seperti perak atau gangsa dalam penghasilan unit wang emas.

Pada tahun 395 M, Empayar Rom telah berpecah kepada Rom Barat yang berpusat di Rom dan Rom Timur yang berpusat Konstantinople. Seterusnya pada tahun 476 M, Kerajaan Rom Barat telah mengalami kejatuhan. Kejatuhan Kerajaan Rom Barat ini menyumbang kepada perkembangan Rom Timur yang akhirnya muncul sebagai sebuah empayar yang hebat dan berkuasa sekitar kurun ke-5 M sehingga 1453M.

Setelah kehancuran Kerajaan Rom Barat, Empayar Byzantine telah muncul sebagai sebuah empayar yang terulung serta berkembang dari aspek kestabilan politik dan ekonomi. Perkembangan yang berlaku turut mempengaruhi penggunaan wang Rom ketika itu. Logam emas yang diperkenalkan oleh Maharaja Konstantine telah diberi nama *Solidus* dan menjadi wang rasmi kerajaan yang paling utama di sekitar Eropah serta beberapa wilayah lain (Safra 2002, 16:538). Walau bagaimanapun, wang emas ini lebih dikenali sebagai *Denarius* di kalangan masyarakat Rom serta penggunaanya. Kehebatan dan kekuatan Kerajaan Byzantine ketika itu telah membantu kepada tersebarnya wang emas *Denarius* ke beberapa wilayah sekitarnya melalui kegiatan perdagangan serantau.

Kerajaan Parsi

Penguasaan dan penjajahan adakalanya memberi implikasi yang positif terhadap perkembangan sosio-budaya masyarakat setempat. Kenyataan ini dapat dibuktikan menerusi tindakan masyarakat Parsi yang mempelajari kaedah menempa wang setelah wilayah mereka dikuasai oleh Kerajaan Lydia pada tahun 546 S.M. Ketika itu, wang yang ditempa berbentuk empat segi sebelum bertukar ke bentuk bulat (Hasan 1999: 62). Pada permukaan wang terbahit ditera dengan gambar Maharaja sambil memegang busur panah dalam keadaan duduk melutut.

Pada peringkat awal, masyarakat Parsi menempa wang logam emas yang dikenali sebagai *Daric* dan logam perak yang dikenali sebagai *Siglos*. Namun, selepas zaman *Alexander The Great*, pengaruh Greek-Yunani telah mendorong masyarakat Parsi untuk menempa wang perak yang dikenali sebagai *Drachm*. Pada zaman penguasaan Kerajaan Sasan di Parsi, wang perak *Drachm* terus digunakan walaupun terdapat penghasilan wang emas oleh kerajaan tersebut. Wang logam perak yang dikenali *Drachm* itu turut digunakan di Mesir, Syria, Afrika Utara, Iran dan Iraq. Selain daripada wang perak yang dikenali sebagai *Drachm*, masyarakat Parsi di bawah penguasaan Kerajaan Sasan turut menempa wang perak yang dikenali sebagai *Tetradrachm*. Wang ini ditempa dengan nilai yang lebih besar serta mempunyai kualiti yang lebih baik. Malah, ia turut tersebar luas penggunaannya di kalangan pedagang dan penghijrah seperti dari Mesir dan Semenanjung Arab (Safra 2002, 16:532).

Sejarah Dinar di Kalangan Masyarakat Arab Zaman Jahiliyyah

Pada zaman Jahiliyyah, masyarakat Arab tidak mempunyai wang yang khusus dalam urusan jual beli di kalangan mereka. Walau bagaimanapun, perhubungan yang berlaku di antara masyarakat Arab dengan masyarakat luar seperti Rom dan Parsi yang datang berdagang di sekitar Semenanjung Arab telah memperkenalkan masyarakat Arab kepada wang yang digunakan di Rom dan Parsi. Kedua-dua empayar Rom dan Parsi merupakan empayar yang berpengaruh ketika zaman Jahiliyyah di Semenanjung Arab dan sekitarnya. Malah, kekuasaan kedua-dua empayar tersebut telah berlangsung berabad-abad lamanya sebagai empayar yang berpengaruh pada zaman silam.

Wang yang digunakan oleh masyarakat tempatan di Semenanjung Arab pada zaman Jahiliyyah ialah mata wang Dirham dan Dinar. Dirham merupakan wang yang diperbuat daripada perak, manakala Dinar adalah wang yang diperbuat daripada emas. Kedua-dua wang ini tidak ditempa di Semenanjung Arab, sebaliknya dibawa dan diperkenalkan oleh para pedagang luar yang datang ke Semenanjung Arab dari Rom dan Parsi (al-Shariff, 1965:374). Aktiviti perdagangan yang rancak berlangsung di sekitar Semenanjung Arab pada kurun ke-6M menunjukkan bahawa masyarakat Arab yang telah berdagang sehingga ke utara dan selatan Semenanjung Arab telah menggunakan wang Rom dan Parsi.

Malah, hasil daripada kemasukan pedagang Yunani ke Teluk Arab dan Laut Merah dengan kapal-kapal perdagangan turut membawa wang *Drachm* ke Semenanjung Arab. Antara wang *Drachm* yang telah ditemui ialah wang *Drachm* yang ditempa dengan nama *Alexander The Great* sekitar tahun 310-300 S.M. serta wang *Drachm* yang ditempa sekitar tahun 223 S.M. dan 187 S.M. (al-Jabari 1989: 20). Penemuan wang tersebut menunjukkan bahawa wang *Drachm* telah sampai ke Semenanjung Arab dan digunakan dalam aktiviti perdagangan masyarakat Arab zaman Jahiliyyah. Selain itu, masyarakat Arab Jahiliyyah turut menggunakan wang emas Rom yang dikenali sebagai *Denarius* sebagai bahantara dalam perdagangan mereka.

Di samping menggunakan wang *Drachm* dari Parsi dan *Denarius* yang ditempa di Rom, masyarakat Arab pada zaman Jahiliyyah turut menjalankan urusan jual beli melalui timbangan emas dan perak (al-Shariff 1965:374). Menerusi sistem ini, pedagang akan menentukan nilai barangan yang dijual menerusi timbangan emas atau perak. Ini kerana terdapat aktiviti perlombongan emas dan perak yang dijalankan di Yaman dan beberapa buah wilayah lain pada ketika itu yang mendorong kepada penggunaannya secara meluas. Penggunaan logam emas dan perak ini dilihat telah menggantikan wang *Drachm* dan *Denarius*, tetapi ia agak terbatas dan terhad penggunaannya di kalangan pedagang Arab.

Sistem penggunaan wang di Semenanjung Arab pada zaman Jahiliyyah tidak berlaku secara sistematik. Masyarakat Arab ketika itu, tidak mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mewujudkan satu sistem penggunaan wang yang khusus bagi melancarkan kegiatan ekonomi mereka. Sebaliknya mereka hanya menggunakan wang Rom dan Parsi yang merupakan kuasa yang berpengaruh besar ketika itu. Walaupun mempunyai sumber logam seperti emas dan perak, masyarakat Arab tidak menggunakan sumber-sumber tersebut untuk menempa wang sendiri. Pada pendapat penulis, situasi ini berlaku lantaran ketiadaan satu kuasa pentadbiran yang kuat dan hebat sebagaimana Empayar Rom dan Parsi yang dapat mengeluarkan serta menguatkuasakan penggunaan wang rasmi.

Sejarah Dinar pada Zaman Islam

Zaman Rasulullah (s.a.w.)

Semenanjung Arab ketika kedatangan Islam tidak mempunyai wang sendiri. Kerajaan-kerajaan Arab purba seperti Kerajaan Saba', Kerajaan

Himyar dan sebagainya yang dipercayai mempunyai wang sendiri, telah lama lenyap. Pada abad ke-6 dan ke-7M, orang Arab terutama yang menetap seperti di Mekah dan Madinah telah memenuhi keperluan mereka dengan menggunakan wang yang ditempa dan digunakan di wilayah-wilayah Empayar Byzantine dan Empayar Sasan yang berjiran atau menggunakan wang peninggalan kerajaan-kerajaan silam (Anwar 2002: 5). Rasulullah s.a.w telah meneruskan penggunaan wang *Drachm* dan *Denarius* ketika menubuhkan kerajaan Islam yang pertama di Madinah. Baginda (s.a.w.) dipercayai tidak pernah mencetak wang bagi kerajaan yang ditubuhkan, walaupun banyak melakukan usaha-usaha untuk memajukan ekonomi umat Islam di Madinah.

Selain memperakui penggunaan wang Dinar dan Dirham Kerajaan Byzantine dan Sasan, Rasulullah (s.a.w.) turut menggunakan wang syiling tersebut dalam beberapa situasi. Baginda (s.a.w.) menggunakan wang syiling Dinar ketika mengahwinkan puterinya, Fatimah dengan 'Ali bin Abi Talib dengan mahar perkahwinannya sebanyak 480 Dinar. Baginda (s.a.w.) turut mewajibkan pembayaran zakat harta berdasarkan kepada wang syiling Dinar dan Dirham (al-Haddad 2006: 671). Bagi mewujudkan sistem pembayaran zakat dan cukai lain dengan sistematik, baginda (s.a.w.) telah menetapkan beberapa peraturan serta nilai yang sepatutnya bagi memudahkan masyarakat Islam melaksanakan syariat tersebut.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat wang syiling Islam pada zaman Rasulullah (s.a.w.) Walau bagaimanapun, baginda (s.a.w.) mempunyai peranan dan sumbangan yang besar dalam perkembangan penggunaan wang Dinar dan Dirham Islam apabila bertanggungjawab menentukan berat bagi wang Dinar dan Dirham. Perakuan baginda (s.a.w.) terhadap penggunaan wang syiling Rom dan Parsi dijadikan sebagai dalil *Taqrir* terhadap kesahihan penggunaannya. Selain memperakui penggunaan wang Dinar Rom dan Dirham Parsi, masyarakat Semenanjung Arab pada zaman baginda (s.a.w.) turut menggunakan ketulan emas dan perak berdasarkan timbangan tertentu sebagai bahantara dalam aktiviti perekonomian termasuklah pemberian upah dan lain-lain kerana faktor kekayaan sumber logam tersebut di kalangan masyarakat Arab ketika itu.

Zaman Khalifah Abu Bakr al-Siddiq (r.a.)

Boleh dikatakan tiada perkembangan berlaku terhadap wang Dirham dan Dinar yang digunakan pada zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq

memandangkan era beliau yang dipenuhi dengan gerakan menumpaskan golongan murtad. Wang syiling yang digunakan pada zaman Rasulullah (s.a.w.) terus digunakan pada oleh beliau (Hallan 1978: 22). Sebagaimana yang dilaksanakan oleh Rasulullah (s.a.w.) yang tidak mengubah sebarang bentuk dan ciri-ciri wang syiling Rom dan Parsi, Khalifah Abu Bakar turut mengambil inisiatif yang sama.

Zaman Khalifah ‘Umar bin al-Khattab

Pada awal pemerintahannya, Khalifah ‘Umar bin al-Khattab tidak membuat sebarang perubahan pada wang Dinar dan Dirham yang digunakan oleh masyarakat Islam dan hanya mengguna pakai wang Dinar Rom dan Dirham Parsi sebagaimana yang diperakui oleh Rasulullah (s.a.w.) dan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq. Namun, perubahan pada wang Islam mula berlaku pada tahun ke-18H/639M ketika tentera Islam berjaya menawan Parsi. Oleh itu, berlaku permulaan dalam percetakan wang Islam di Iraq dan Iran dengan menggunakan bahasa Pahlawi iaitu bahasa Parsi (al-Haddad 2006: 671). Kenyataan ini menunjukkan bahawa Khalifah ‘Umar bin al-Khattab menerima wang syiling Dirham yang dihasilkan menerusi acuan Sasan dengan mengekalkan gambar Maharaja Sasan di bahagian hadapan dan gambar tempat penyembahan api bagi agama Majusi di bahagian belakangnya.

Khalifah ‘Umar bin al-Khattab hanya menambah beberapa ungkapan tauhid pada permukaan wang iaitu kalimah الحمد لله atau محمد رسول الله atau لا إله إلا الله وحده. Pada tahun 20H/641M, beliau dilaporkan menambah pada sebahagian wang Dirham dengan lafaz بسم الله atau بسم الله ربي. Terdapat sebahagian daripada wang pada ketika itu dicetak dengan nama Khalifah atau Amir. Tulisan-tulisan tersebut dicetak sama ada dalam bahasa Pahlavi atau bahasa Arab dengan tulisan Kufi (Hallan 1978: 23). Justeru itu, tindakan Khalifah ‘Umar bin al-Khattab dianggap sebagai usaha pertama yang dilakukan dalam sejarah menempa wang Dinar dan Dirham Islam.

Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah sejarawan menyatakan bahawa panglima perang Islam yang terkenal semasa zaman Khalifah ‘Umar bin al-Khattab iaitu Khalid bin al-Walid merupakan individu pertama yang telah menempa wang dengan nama beliau. Khalid bin al-Walid dipercayai mencetak nama beliau pada wang yang ditempa oleh Kerajaan Greek Yunani di Tibriz pada tahun 15H/635M. Beliau masih mengekalkan gambar Maharaja Greek serta tanda Salib pada wang tersebut, tetapi hanya menambah nama beliau dengan bahasa dan huruf

Yunani iaitu *XAVED* yang bermaksud Khalid (Hallan 1978: 23). Penemuan ini tetap menunjukkan bahawa usaha menempa dan mencetak wang Islam yang pertama telah dilakukan pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin al-Khattab lagi. Malah, berat piawaian bagi setiap wang Dinar dan Dirham Islam telah ditetapkan oleh 'Umar bin al-Khattab dan ia kemudiannya diikuti oleh pemerintah-pemerintah Islam selepasnya.

Pembaharuan yang dicetuskan oleh beliau dalam isu penetapan piawaian wang Dirham ini menjadi penandarasan bagi setiap kepingan wang Dirham yang ditempa selepasnya. Bagi setiap 10 Dirham adalah bersamaan dengan 7 Dinar. Menerusi ketetapan tersebut, berat bagi wang Dinar yang ditetapkan ialah 4.25 gram (1 mithqal), manakala berat yang diselaraskan bagi wang Dirham ialah 2.97 gram.

Zaman Khalifah 'Uthman bin 'Affan

Dari aspek perkembangan ekonomi dan penggunaan wang, Khalifah 'Uthman bin 'Affan masih menggunakan wang Dinar Byzantine dan Dirham Parsi selain daripada wang yang telah ditambah dengan cetakan lafaz Islam pada zaman Khalifah 'Umar bin al-Khattab. Walau bagaimanapun, Khalifah 'Uthman telah melakukan sedikit penambahan pada sebahagian wang Dirham acuan Kerajaan Sasan di Parsi dengan mencetak lafaz *Takbir* iaitu الله أكبر. Selain itu, terdapat juga wang yang dicetak dengan kalimah جید dan برکه pada wang syiling Sasan yang mempunyai gambar Maharaja Yazdajrid III. Wang syiling tersebut dipercayai bertarikh 31H/651M dan 32H/652M (al-Haddad 2006: 671).

Percubaan mencetak kalimah dan ungkapan bercirikan Islam dalam bahasa Arab menunjukkan bahawa telah wujud kesedaran di kalangan para pemerintah untuk mencetak wang Islam bagi kegunaan harian masyarakat dalam aktiviti ekonomi dan sebagainya. Selain mencetak ungkapan dan kalimah Islam pada wang Dirham Sasan dengan tulisan Arab Kufi, zaman Khalifah 'Uthman turut menyaksikan penggunaan wang syiling yang dicetak dengan nama bandar tempat mencetak wang serta tarikh wang tersebut dihasilkan dengan bahasa dan huruf Pahlavi (Hasan 1999: 66).

Zaman Khalifah 'Ali bin Abi Talib

Selain meneruskan penggunaan wang syiling yang digunakan oleh Khulafa' sebelumnya, Khalifah 'Ali bin Abi Talib juga telah menambah

cetakan pada wang Dirham Sasan dengan ungkapan *بسم الله ربي* atau *بسم الله* selain mencetak nama *محمد* dengan menggunakan tulisan Arab Kufi (al-Haddad 2006: 672). Usaha yang dilakukan pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Ali bin Abi Talib turut diperakui sebagai antara percubaan yang dilakukan dalam usaha mencetak wang Dinar Islam.

Sejarah Dinar pada Zaman Kerajaan Umayyah

Sejarah perkembangan penggunaan wang Dinar dan Dirham pada zaman Bani Umayyah menyaksikan era kemunculan wang Dinar dan Dirham Islam yang pertama. Usaha mewujudkan penggunaan wang Islam telah melalui beberapa peringkat sehingga munculnya wang Dinar Islam pada tahun 77H/696M dan wang Dirham pada tahun 78H/697M. Khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwan, khalifah Bani Umayyah yang ke-5 telah memainkan peranan penting dalam usaha wujud dan memperkenalkan penggunaan wang Dinar dan Dirham Islam yang bebas daripada sebarang pengaruh acuan Byzantine dan Sasan. Malah piawai yang tertentu telah ditetapkan bagi setiap kepingan wang Dinar dan Dirham Islam iaitu 4.25 gram (1 Mithqal) bagi wang Dinar dan 2.97 gram bagi wang Dirham (Schultz 2002: 59).

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada khalifah pada ketika itu untuk melaksanakan projek menempa wang Islam, antaranya ialah tindakan sesetengah pemberontak yang menera nama mereka pada acuan wang Dirham Sasan serta ancaman Maharaja Byzantine terhadap kesucian Islam. Faktor-faktor ini telah mendorong khalifah bertindak untuk menempa wang Dinar dan Dirham Arab-Islam yang mempunyai ciri-ciri khusus bagi menggambarkan pengaruh Islam ke seluruh wilayah Islam di Timur dan sebahagian di Barat. Tindakan ‘Abd al-Malik telah diteruskan oleh beberapa khalifah Bani Umayyah yang memerintah selepasnya. Malah, beberapa tempat menempa wang yang dikenali sebagai *Dar al-Darb* telah berkembang di beberapa wilayah Islam lain.

Sejarah Dinar pada Zaman Kerajaan ‘Abbasiyyah

Perkembangan penggunaan wang Dinar dan Dirham pada zaman ‘Abbasiyyah turut menyaksikan beberapa perubahan. Malah pergolakan politik yang berlaku pada zaman itu juga telah mempengaruhi aktiviti penempaan wang Dinar dan Dirham yang digunakan oleh masyarakat di sekitar wilayah penguasaan ‘Abbasiyyah termasuk wilayah-wilayah Islam lain yang ada pada ketika itu. Kerajaan ‘Abbasiyyah merupakan

antara pemerintahan Islam yang paling panjang bermula dari tahun 132H/750M sehingga 656H/1258M. Dalam tempoh terbabit, pelbagai peristiwa yang berlaku sehingga mempengaruhi ciri-ciri wang Dinar dan Dirham yang dihasilkan oleh setiap pemerintah yang berkuasa.

Abu 'Abbas al-Saffah yang dilantik sebagai khalifah yang pertama telah melakukan perubahan yang pertama pada wang Dirham yang ditempa dengan menukar ungkapan surah *al-Ikhlâs* kepada ungkapan kalimah *Syhadah*. Penukaran ungkapan tersebut berkait rapat dengan syiar Bani 'Abbas yang memperakui diri mereka sebagai keturunan yang paling hampir dengan baginda Rasulullah (s.a.w.)

Perkembangan selanjutnya berlaku ketika era Abu Ja'far al-Mansur di mana beliau telah melakukan perubahan dengan membenarkan anaknya, al-Mahdi untuk menera nama sebagai gabenor pada permukaan wang yang ditempa di wilayah penguasaan al-Mahdi. Kebenaran yang diberikan itu telah membuka peluang kepada al-Mahdi untuk menera nama beliau yang ketika itu adalah gabenor di Rayy. Selain al-Mahdi, wang Dirham ketika itu turut ditera dengan nama beberapa gabenor lain seperti wang Dirham yang ditempa Basrah pada tahun 146H/763M yang ditera dengan nama سلم iaitu Salm bin Qutaybah al-Bahili, gabenor Basrah sekitar tahun 146H/763M. Walau bagaimanapun, al-Mansur sebagai khalifah yang berkuasa pada ketika itu tidak mengambil inisiatif untuk menera namanya pada mana-mana wang Dirham atau Dinar yang ditempa. Teraan nama pada permukaan wang hanyalah dilakukan oleh gabenor yang memerintah.

Perubahan utama yang berlaku terhadap wang Dinar dan Dirham Islam ketika era 'Abbasiyyah ialah peneraan nama khalifah bersama gelarannya pada permukaan wang Dinar dan Dirham. Walau bagaimanapun, tindakan terbabit tidak berlaku secara serentak bagi kedua-dua wang. Peneraan nama bersama gelaran khalifah pada permukaan wang Dirham telah berlaku ketika era pemerintahan Khalifah al-Mahdi. Wang tersebut telah mula ditempa pada tahun 158H/775M. Manakala peneraan nama bersama gelaran khalifah pada permukaan wang Dinar telah berlaku ketika era pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid yang mula memerintah sekitar tahun 169H/786M. Usaha kedua-dua khalifah itu kemudiannya telah diikuti oleh para pemimpin 'Abbasiyyah selepas mereka.

Secara umumnya, dapat dinyatakan bahawa wang Dinar dan Dirham di Baghdad ketika itu tidak hanya menera nama khalifah yang memerintah dan putera mahkota yang dilantik. Malah, turut ditera nama menteri mahupun gabenor atau penguasa lain yang benar-benar

menerima kepercayaan daripada khalifah, berpengaruh di kalangan rakyat, menguasai pentadbiran negara dan kepimpinan tentera serta diberi gelaran khusus oleh khalifah. Kenyataan ini dapat dibuktikan apabila terdapat wang yang ditera dengan nama menteri-menteri yang menerima gelaran daripada khalifah yang memerintah ketika era terbabit seperti Sa'id bin Mukhallaf, menteri Khalifah al-Mu'tamid yang menerima gelaran *Dhu al-Wizaratyn* (al-Hibri 1993, 36:61), Abu al-Husayn bin Ubaydillah, menteri Khalifah al-Muktafi dan seorang menteri Khalifah al-Muqtadir yang menerima gelaran *Amid al-Dawlah* (Anwar 2002: 14).

Wang Dinar dan Dirham yang digunakan pada sepanjang era pemerintahan Bani 'Abbas mempunyai pelbagai ciri dan piawaian yang tidak menentu. Malah, kewujudan kerajaan-kerajaan kecil ketika penghujung zaman pemerintahan 'Abbasiyyah telah mengundang kepada kewujudan wang Dinar dan Dirham palsu. Keluasan wilayah Islam ketika itu menyebabkan pemerintah yang berpusat di Baghdad tidak dapat mengawal dan menguatkuasakan pengeluaran wang Dinar dan Dirham di wilayah-wilayah Islam lain yang diketuai oleh gabenor.

Sejarah Dinar pada Zaman Kerajaan-kerajaan Kecil (Duwaylat)

Sebenarnya, Kerajaan 'Abbasiyyah telah mengalami kemerosotan kuasa politik sejak zaman pertengahan lagi. Implikasinya, gabenor yang kuat dan menerima sokongan padu rakyat di sesebuah wilayah telah mengisytiharkan kemerdekaan wilayahnya daripada pentadbiran pusat di Baghdad. Kebanyakan wilayah yang berjaya menuntut kemerdekaan daripada kerajaan pusat telah mencetak wang dengan menera nama pemerintah di wilayah tersebut. Antara kerajaan yang bertindak sedemikian ialah Kerajaan Tulun, Kerajaan Ikhshid, Kerajaan Aghlab, Kerajaan Idrisi, Kerajaan Tahiri dan lain-lain. Para pemerintah tersebut telah mengeluarkan wang syiling di wilayah penguasaan masing-masing dan menera nama mereka di bawah nama khalifah atau selepas nama putera mahkota pada permukaan wang yang dikeluarkan.

Kerajaan kecil yang pertama bertindak mengeluarkan wang sendiri ialah pemerintah Kerajaan Safariyyah di Khurasan sekitar tahun 259H/872M dan 265H/878M, diikuti oleh pemerintah Kerajaan Tulun di Mesir. Tindakan ini seterusnya menjadi ikutan penguasa-penguasa wilayah lain sama ada mereka adalah gabenor, penguasa wilayah yang separuh merdeka atau merdeka sepenuhnya mahupun pemberontak yang merampas kuasa (Anwar 2002: 14). Wang syiling yang dihasilkan oleh

penguasa-penguasa wilayah tersebut masih sama dari aspek bentuk, gaya tulisan khat Kufi serta sebahagian ungkapan yang ditera pada wang dengan wang syiling 'Abbasiyyah. Para penguasa didapati bertindak menambah nama sendiri, mengubah sebahagian ungkapan serta menempanya tanpa pengawalan serta penyelarasan kerajaan pusat.

Penghasilan wang syiling oleh para penguasa wilayah-wilayah di luar Kerajaan 'Abbasiyyah yang membentuk kerajaan-kerajaan kecil secara tidak langsung mendedahkan kepada berleluasanya aktiviti penempaan wang syiling Dirham dan Dinar palsu. Tambahan pula, khalifah 'Abbasiyyah tidak dapat mengawal penghasilan wang di wilayah Islam lain kerana pentadbirannya yang semakin lemah dan hanya mampu mengawal penghasilan wang Dinar dan Dirham di Baghdad sahaja.

Ringkasnya, wang syiling yang ditempa di wilayah-wilayah kerajaan kecil yang muncul pada zaman pemerintahan Kerajaan 'Abbasiyyah dihasilkan secara berleluasa tanpa kawalan pemerintah di Baghdad. Para penguasa di setiap wilayah bertindak menera nama mereka pada permukaan wang syiling Dinar dan Dirham di samping nama khalifah dan putera mahkota. Tindakan yang sedemikian bertujuan untuk membuktikan kekuatan serta penguasaan mereka di wilayah terbabit kepada masyarakat dan rakyat umum.

Sejarah Dinar di Andalus

Andalus merupakan sebuah wilayah yang terletak di Semenanjung Iberia yang kini dikenali sebagai Sepanyol dan telah berjaya dikuasai Islam semasa zaman pemerintahan Bani Umaiyah melalui kejayaan tentera pimpinan Tariq bin Ziyad menewaskan orang-orang Visigoth. Kerajaan Islam menguasai Andalus bermula tahun 92H/711M sehingga tahun 897M/1492M.

Penguasaan Islam di Andalus menyaksikan pelbagai kerajaan dan pemerintah. Pada awalnya, Andalus merupakan sebuah wilayah di bawah penguasaan Bani Umaiyah di Sham. Khalifah hanya akan melantik seorang gabenor untuk memerintah di Andalus. Tempoh ini berlangsung sekitar tahun 92-132H/711-750M. Ketika Bani 'Abbas mula menggantikan Bani Umaiyah, bentuk pemerintahan di Andalus juga berubah. Ketika itu bermula penguasaan Bani Umaiyah di Andalus dengan dua peringkat iaitu peringkat Amir (132-317H/750-929M) dan peringkat Khilafah (317-422H/929-1031M). Kelemahan pemerintahan Bani Umaiyah akhirnya membawa Andalus kepada dilema perpecahan

wilayah pentadbiran Islam yang menyaksikan kemunculan pelbagai kerajaan kecil di sekitar wilayah Andalus yang dikenali sebagai Muluk al-Tawa'if sebelum membawa kepada penguasaan al-Murabitun, al-Muwahhidun dan akhirnya Banu Ahmar di Granada. Tempoh ini berlangsung antara tahun 422H/1031M sehingga 897H/1492M.

Masyarakat Islam di Andalus pada awalnya hanya menggunakan wang Arab-Byzantine iaitu sama seperti wang yang digunakan oleh masyarakat Islam di Afrika Utara. Wang ini mengandungi gambar-gambar ikan, bulan dan bintang serta tulisan Arab di samping tulisan Latin. Ada di antara wang tersebut yang tertera ungkapan لا إله إلا الله pada permukaan hadapannya (Anwar 2002: 17). Ketika itu Andalus masih berada dibawah penguasaan Wali atau gabenor yang terikat dengan pemerintahan Bani Umayyah yang berpusat di Damsyik.

Wang Islam mula dicetak dan ditempa di Andalus sekitar tahun 98H/716M iaitu ketika Andalus di bawah penguasaan Bani Umaiyah. Walau bagaimanapun, wang logam yang digunakan ketika itu masih mempunyai pengaruh Latin. Ia ditempa dengan dwibahasa iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Latin, selain daripada memaparkan gambar bintang di tengah permukaan wang. Ungkapan yang ditera pada permukaan depan wang tersebut ialah محمد رسول الله dan dibirai sekitarnya ditera dengan ungkapan ضرب هذا الدينار في الأندلس سنة ثمانية و تسعين. Manakala pada bahagian belakangnya ditera ungkapan dengan tulisan berbahasa Latin (Ali 2004: 7; www.muslimheritage.com). Penggunaan dwibahasa pada permukaan wang ini memperlihatkan wujudnya percampuran budaya Arab dan Byzantine pada zaman awal Islam di Andalus sebagaimana yang berlaku di Semenanjung Arab.

Pada tahun 103H/721M, wang Islam juga ditempa di Andalus. Walau bagaimanapun, wang ini ditempa mengikut acuan Dinar Moroko iaitu sebuah bandar yang terletak di Afrika Utara. Bentuk dan gaya wang ini menyamai wang syiling Dirham yang ditempa oleh Khalifah Bani Umaiyah di Syria, Iraq dan Iran. Pada bahagian hadapan permukaan wang ditera dengan ungkapan لا إله إلا الله وحده لا شريك له dan pada bahagian belakang wang ditera dengan ayat al-Quran daripada Surah al-Ikhlâs. Bahagian birai depan wang ditera dengan nama tempat dan tarikh wang ditempa, manakala pada birai belakang wang ditera dengan ayat ke-33 daripada surah al-Taubah (Anwar 2002: 18). Ciri-ciri ini menunjukkan wang Dinar dan Dirham yang ditempa masih dipengaruhi oleh ciri-ciri wang Bani Umaiyah.

Ketika Kerajaan 'Abbasiyyah berkuasa di Baghdad, Andalus sebagai sebuah negara Islam yang merdeka daripada penguasaan 'Abbasiyyah

ketika itu berada di bawah pemerintahan Bani Umaiyyah. Zaman pemerintahan Bani Umaiyyah di Andalus bermula sekitar tahun 138H/755M dengan kemasukan Amir 'Abd al-Rahman I yang menerima gelaran al-Dakhil. Beliau hanya menggunakan gelaran Amir walaupun tidak tunduk kepada pemerintahan Bani 'Abbas (Yatim 2001: 95). Malah, Abd al-Rahman al-Dakhil tidak menempa sebarang wang Islam di Andalus mahupun menera namanya pada permukaan wang. Beliau didapati lebih selesa meneruskan penggunaan wang Islam yang sedia ada di Andalus serta wang lain yang masuk ke Andalus. Tindakan beliau turut diikuti oleh pengganti-pengganti beliau selepas itu yang masih menggunakan gelaran Amir.

Walau bagaimanapun, bermula dari tahun 317H/929M, wang syiling Islam telah muncul dan ditempa secara berleluasa di beberapa wilayah di sekitar Andalus. Ketika itu Andalus di perintah oleh 'Abd al-Rahman al-Nasir atau dikenali sebagai 'Abd al-Rahman III. Beliau merupakan pemerintah keturunan Bani Umaiyyah di Andalus yang pertama menggunakan gelaran khalifah walaupun ketika itu terdapat khalifah di Baghdad. Selain mengistiharkan diri sebagai khalifah, beliau turut menempa wang Islam Dinar pertama di Andalus serta melakukan beberapa perubahan pada wang yang dikeluarkan.

Bermula tahun 317H/929M sehingga berakhirnya pemerintahan Bani Umaiyyah di Andalus, nama serta gelaran pemerintah telah ditera pada permukaan wang di samping nama tempat wang dicetak dan tahun dikeluarkan. Abd al-Rahman al-Nasir telah menggunakan pelbagai ungkapan bagi menera namanya pada wang. Pada awalnya beliau hanya menera ungkapan: عبد الرحمن لأمير المؤمنين dan setahun kemudian digantikan dengan ungkapan: أمير المؤمنين عبدالرحمن الإمام الناصر لدين الله. Pada tahun 330H/912M, sekali lagi ungkapan nama tersebut diubah kepada الإمام الناصر لدين الله عبد الرحمن أمير المؤمنين. Perubahan ini bukan sahaja berlaku pada wang Dinar, malah turut dilakukan pada wang Dirham. Para pemerintah selepas beliau turut melakukan perkara yang sama dan hanya menukar nama serta gelaran pada ungkapan yang ditera (Anwar 2002: 19; Ali, 2004: 19; www.muslimheritage.com).

Pemerintahan Bani Umayyah di Andalus berakhir pada tahun 422H/1031M dan secara tidak langsung ia juga membawa kepada berakhirnya zaman pemerintahan khilafah di Andalus dan digantikan dengan pemerintahan Islam yang mulai berpecah kepada wilayah-wilayah kecil. Setiap wilayah tersebut dikuasai oleh penguasa-penguasa tertentu dan dikenali sebagai zaman Muluk al-Tawa'if yang berpusat di Toledo, Seville, Cordova dan sebagainya. Pada era ini, setiap penguasa

wilayah telah menempa wang dengan menera nama masing-masing pada permukaan wang.

Walaupun wilayah Islam di Andalus telah berpecah kepada kerajaan-kerajaan kecil, namun pada tahun 479H/1086M, muncul dua buah kerajaan Islam yang kuat dan mendominasi sebahagian besar wilayah Islam di Andalus iaitu Dinasti Murabitun (479-538H/1086-1143M) dan Dinasti Muwahhidun (541-633H/1146-1235M). Kedua-dua dinasti tersebut berkuasa di sebahagian besar wilayah di Andalus ketika Kerajaan 'Abbasiyyah masih wujud di Baghdad. Dinasti Murabitun telah mencetak wangnya sendiri serta menera nama pemerintah ketika itu dengan gelaran *الأمير* dan kemudian bertukar kepada *أمير المسلمين*. Pemerintah al-Murabitun dilaporkan mengakui Khilafah 'Abbasiyyah di Baghdad walaupun tidak tunduk kepada kekuasaannya. Kenyataan ini dapat dilihat menerusi wang syiling Dinar dan Dirham yang ditempa ketika zaman pemerintahan Dinasti al-Murabitun yang ditera dengan ungkapan yang merujuk kepada Khilafah Abbasiyah iaitu ungkapan *الإمام عبد الله أمير المؤمنين العباسي* (Anwar 2002: 19). Wang Dinar Islam di Andalus telah menjadi wang yang paling berkualiti ketika itu di sekitar Mediteranean dan sebahagian negara Eropah. Dinar al-Murabitun telah dikenali sebagai *Morabiti* di kalangan masyarakat Eropah.

Dinasti al-Muwahhidun yang muncul selepas berjaya menewaskan al-Murabitun telah melakukan pelbagai pembaharuan dalam aktiviti penempatan wang. Pemerintah al-Muwahhidun telah memperkenalkan bentuk baru bagi wang iaitu wang Dinar dan Dirham yang berbentuk empat segi tepat. Mereka turut menetapkan piawaian baru bagi berat wang iaitu 2.3 gram bagi wang Dinar dan 1.5 gram bagi wang Dirham. Nama tempat mencetak dan tahun wang dikeluarkan tidak lagi ditera pada permukaan wang baru ini. Wang ini ditera pada hadapannya dengan kalimah Syahadah di birainya dan di tengahnya terdapat ungkapan: *بسم الله الرحمن صلى الله على محمد و آله الطيبين الطاهرين*. Pada bahagian belakang wang ditera dengan kata-kata *المهدي الأمة القائم بأمر الله* serta birainya ditera dengan nama pemerintah Dinasti al-Muwahhidun yang memerintah ketika wang ditempa (Anwar 2002: 20).

Perubahan yang dilakukan oleh al-Muwahhidun telah diikuti oleh penguasa di Andalus yang terakhir iaitu Banu Ahmar di Granada. Walaupun banyak menzahirkan peradaban Islam di Andalus seperti pembinaan Masjid al-Hambra yang unik, namun kerajaan ini hanya berkuasa di sebahagian wilayah yang kecil di Andalus iaitu di Granada. Islam di Andalus telah berjaya dihapuskan oleh pihak Kristian pada tahun 897H/1492M. Wang syiling Dinar dan Dirham Islam di Andalus

turut mengalami nasib yang sama sebagaimana terhapusnya umat Islam di wilayah Eropah tersebut.

Sejarah Dinar pada Zaman Kerajaan Fatimiyyah

Ketika berlangsungnya pemerintahan ‘Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad, terdapat sebuah pemerintahan kerajaan Islam lain yang merdeka sepenuhnya daripada pentadbiran ‘Abbasiyyah dan membentuk sebuah kerajaan Islam dengan pentadbirannya sendiri iaitu Kerajaan Fatimiyyah. Dinasti ini telah memerintah di Mesir, Moroco dan Tunisia bermula sekitar tahun 297H/910M sehingga 566H/1171M. Kerajaan Fatimiyyah berkuasa setelah berjaya menewaskan pemerintahan Aghlabiyyah yang berpusat di Qayrawan dan seterusnya berjaya meluaskan wilayah penguasaannya di beberapa wilayah lain sekitar Afrika Utara.

Tiga orang khalifah yang terawal dalam Kerajaan Fatimiyyah hanya menggunakan wang syiling Dinar dan Dirham yang ditempa oleh Dinasti Aghlabiyah sebelumnya dengan ciri-ciri Sunni. Malah wang tersebut turut dipengaruhi dengan perkembangan wang Kerajaan ‘Abbasiyyah walaupun Dinasti Fatimiyyah merdeka sepenuhnya daripada pentadbiran ‘Abbasiyyah (Ali 2004: 10). Wang yang ditempa juga hampir sama, cuma dibezakan dengan nama tempat ditempa dan nama khalifah Fatimiyyah yang memerintah. Antara tempat penempaan wang kerajaan Fatimiyyah ialah Mansurah dan Fez.

Setelah perlantikan Khalifah al-Mu’izz iaitu Khalifah Dinasti Fatimiyyah yang ke-4, wang syiling Dinar dan Dirham telah bertukar dengan teraan ungkapan bercirikan aliran mazhab Syiah. Pembaharuan pertama bagi Dinsati Fatimiyyah ini bermula sekitar tahun 341H/952M. Di samping kalimah لا إله إلا الله وحده لا شريك له yang ditera pada bahagian hadapan, ia telah ditambah dengan ungkapan وعلي بن أبي طالب وصي رسول . Pada bahagian belakang permukaan wang ditera nama khalifah yang memerintah dengan ungkapan عبد الله معذ أبو تميم الإمام المعيز لدين الله أمير المؤمنين محي سنة محمد سيد المرسلين ووارث مجد الأئمة المهديين . Walau bagaimanapun, setelah mendapat tindak balas yang kurang menyenangkan oleh masyarakat Mesir yang berpegang dengan aliran mazhab Sunni, Khalifah al-Mu’izz telah menukar ungkapan namanya kepada lafaz yang lebih sederhana iaitu ungkapan دعاء الإمام معذ لتوحيد الله . Para khalifah Dinasti Fatimiyyah selepas Khalifah al-Mu’izz kemudiannya telah menukar kepada ungkapan عبد الله ووليه . Ini diikuti dengan gelaran, nama peribadi dan lafaz أمير المؤمنين (Anwar 2001: 21).

Semua ungkapan yang ditera pada permukaan wang syiling Dinar dan Dirham Dinasti Fatimiyyah mempunyai ciri-ciri aliran Syiah sama ada ungkapan pada bahagian hadapan mahupun belakang wang bagi menjelaskan nama pemerintah.

Selain itu, gaya corak pada permukaan wang Dinar dan Dirham Islam pada zaman Dinasti Fatimiyyah turut mengalami perubahan. Khalifah al-Mustansir yang memerintah selepas Khalifah al-Mu'izz telah membuat beberapa lingkaran bulatan pada permukaan wang. Antara tahun 439H/1048M sehingga 469H/1077M, beliau telah membuat tiga lingkaran bulatan pada permukaan wang berbanding hanya 1 lingkaran sebelumnya (Ali 2004: 10). Sebenarnya, lingkaran bulatan pada permukaan wang Dinar dan Dirham telah dimulakan oleh pemerintah Bani 'Abbas di Baghdad tanpa membawa sebarang maksud. Bagaimanapun, berbeza dengan tindakan al-Mustansir yang menghasilkan wang dengan 3 lingkaran yang membawa maksud yang tertentu.

Bulatan di tengah pada mulanya dibiarkan kosong, namun kemudian dihiasi dengan teraan ungkapan tertentu. Lingkaran pada permukaan wang dibuat bagi melambangkan maksud yang tertentu. Bulatan tengah bagi melambangkan kebenaran mutlak yang hanya diketahui oleh Khalifah Dinasti Fatimiyyah. Lingkaran bulatan luaran melambangkan semua orang Islam dan lingkaran bulatan dalaman melambangkan pengikut-pengikut aliran Isma'ili yang dianggap sebagai orang yang beriman dan sebagai mukmin yang sejati (Anwar 2002: 21). Setelah berakhirnya pemerintahan Fatimiyyah di Afrika Utara dan digantikan dengan Dinasti Ayyubiyyah, pengaruh wang syiling Fatimiyyah turut mempengaruhi penghasilan wang syiling Dinar dan Dirham selepasnya di sekitar benua Afrika Utara.

Sejarah Dinar pada Zaman Mamluk

Dalam sejarah Islam, perkataan Mamluk bermaksud hamba dan secara lebih spesifik ialah hamba berkulit putih yang digunakan dalam sistem ketenteraan. Pada zaman Kerajaan Ayyubiyyah, golongan Mamluk telah berkhidmat sebagai tentera dan kemudiannya mereka merampas takhta lalu melantik diri mereka sebagai pemerintah bagi menggantikan kerajaan tersebut. Untuk jangka masa lebih dari 250 tahun, golongan Mamluk telah memerintah Mesir, Syria, Jordan, Palestin dan Hijaz. Era pemerintahan Mamluk boleh dibahagikan kepada dua zaman iaitu Mamluk Bahri atau Turki yang bermula dari 648H/1250M hingga

783H/1381M dan Mamluk Burji atau Jarkashi yang bermula dari 784H/1382M hingga 922H/1517M. Majoriti para sarjana dan sejarawan bersetuju menyatakan bahawa kerajaan Mamluk mencapai zaman kegemilangannya pada zaman Mamluk Bahri dan beransur-ansur merosot pada zaman Mamluk Burji.

Secara umumnya, terdapat pelbagai wang Dinar pada zaman Mamluk yang dikeluarkan oleh Amir yang berpengaruh dan sultan yang memerintah. Beratnya juga berbeza-beza dan kadang kala tidak mengikut berat yang standard (1 mithqal), begitu juga dengan bentuknya. Antaranya ialah *Dinar Salimi* (4.25 gram) yang ditempa oleh Amir Yalbugha al-Salim (w. 811H/1408M) (Balog 1964: 46), *Dinar Nasiri* (3.55 gram) yang dicetak oleh Sultan al-Nasir Faraj pada 808H/1405M (Popper 1957: 48), *Dinar Ashrafi* (3.45 gram) oleh Sultan al-Ashraf Barsbay pada 829H/1425M (Shoshan 1978: 129-130), *Dinar Zahiri* oleh Sultan al-Zahir Jaqmaq (842-857H/1438-1453M) dan *Dinar Mansuri* (3.186gram) oleh Sultan al-Mansur 'Uthman pada 857H/1453M (al-Nabarawi 1993: 86-87).

Pada peringkat akhir kerajaan ini, sistem kewangan didapati seringkali berada dalam keadaan yang tidak stabil. Bukti 'numismatik' menunjukkan bahawa para pemerintah ketika itu telah mengurangkan berat wang syiling dan ketulinannya serta memonopoli kadar tukaran mata wang. Salah satu punca utama yang menyebabkan hal-hal sebegini ialah kerana bertambahnya keperluan kewangan oleh pihak kerajaan untuk membiayai pelbagai kos perbelanjaan termasuk sebahagian daripadanya untuk kepentingan peribadi mereka. Faktor lain yang menjejaskan sistem kewangan ketika itu ialah berlakunya pemalsuan dalam pembuatan wang syiling.

Sesuatu yang menarik mengenai sejarah wang Dinar pada zaman ini ialah Dinar-dinar yang dikeluarkan oleh para pemerintah Mamluk telah menyaksikan beberapa episod pertembungan dan persaingan wang ini dengan wang emas asing seperti Ducat and Florin (3.5 gram) dari Eropah yang juga berada di pasaran di negara itu. Matawang asing tersebut yang telah pun diterima secara berleluasa di Mesir dan lain-lain wilayah Islam sejak abad ke 14M telah mula beransur hilang penggunaannya selepas 1425M apabila Sultan al-Ashraf Barsbay mencetak matawang Dinar baru yang bernama *Ashrafi* sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Terdahulu daripada itu, sebenarnya terdapat beberapa orang sultan yang telah pun mencetak pelbagai wang Dinar bagi menggantikan wang asing tersebut, tetapi gagal. Antara wang Dinar yang dikeluarkan dan tidak

berjaya menyaingi atau menembusi dominasi matawang asing tersebut ialah *Dinar Salimi* dan *Dinar Nasiri*.

Rahsia kejayaan *Dinar Ashrafi* berjaya menyingkir wang asing tersebut dapat dijelaskan dengan kenyataan berikut:

“The Mamluk historians say that the failure of the Dinar (before the issue of *Ashrafi Dinars*) to meet the challenge of the *Ifranti* (Florin) was due to the gold coins being under weight. The well-known numismatist Jere L. Bacharach says that the domination of the *Ifranti* was due to its high quality and distinct shape, this giving it a good reputation among merchants, shopkeepers and money exchangers. It was also available in large quantities and was in circulation for a number of years. At the same time, the people and merchants also lost confidence in the government’s coinage and the overvalued foreign currencies. The *Ashrafi Dinar* was successful in facing the challenge of the *Ifranti* because the government had enough financial resources and absolute political power to force the money markets to reverse an existing relationship between currencies. Sultan al-Ashraf Barsbay was able to flood the markets with large numbers of *Ashrafi Dinars* because he had enough gold to issue them. Eventually, however, there is a report that the weight of the *Ifranti* decreased from 3.5 grams to about 3.30 grams during the ninth/fifteenth century when it ceased to be the dominant currency” (Wan Kamal 2006: 29-45).

Sejarah Dinar pada Zaman Kerajaan Saljuk

Kerajaan Saljuk merupakan sebuah kerajaan Islam yang memerintah di Asia Tengah dan Timur Tengah dari abad ke-11M hingga abad ke-14M. Mereka telah mendirikan kerajaan Islam yang dikenali sebagai Kerajaan Saljuk Agung. Kerajaan ini terbentang luas dari Anatolia hingga ke rantau Punjab di Asia Selatan. Pada asalnya, keluarga Saljuk merupakan sebahagian suku Oghuz Oinik yang tinggal di kawasan penduduk Islam. Penetapan mereka ialah Khagan Yabgh dan pada abad ke-10M mereka berhijrah ke Parsi lalu menetap di kawasan Khurasan. Pengasas kerajaan Saljuk ialah Saljuk bin Tuqaq dan merupakan seorang pemimpin kaum Turki yang tinggal di Asia Tengah, kira-kira 80 batu dari Bukhara. Pada tahun 420H/1029M, keturunannya iaitu Tughril Beg mula menjelajahi Iran di bahagian utara dan barat. Pada tahun 429H/1037M, Tughril Beg telah berjaya menguasai Merv dan kemudiannya beliau berjaya menduduki wilayah-wilayah lain (Siti Maryam 2003: 136). Kekuasaannya semakin kukuh pada tahun 447H/1055M apabila beliau berjaya menguasai Baghdad dengan mengalahkan Bani Buwayh (Mohammad 2008: 124). Kerajaan Saljuk telah menjadikan Naishapur sebagai pusat pemerintahannya dan kemudiannya berpindah ke Rayy.

Hubungan antara kerajaan Saljuk dengan Khalifah ‘Abbasiyyah dikatakan baik kerana kerajaan Saljuk sentiasa berusaha menjaga

Setinggi-tinggi Penghargaan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Institut Kajian Rantau Asia Barat,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Kumpulan Kebudayaan Arab & Peradaban Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Public Find Gold International Sdn Bhd

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ISBN 978-983-9368-37-6



9 789839 368376